Kata Nama Khas atau ism Al-Alam dari sudut penggunaannya dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:

a. Al Murtajal (المرجع)

Murtajal menurut satu definisi yang berbunyi ^{المرجع هو ما لم يسمى لكنه استعمال في غير العالم} (1) (Murtajal ialah isim yang tidak didahului penggunaannya kecuali isim alam juga) contohnya سعاد، سليمان، يوسف، وَالْأَنْوَارُ، dan lain-lain.

Manakala takrif berikutnya pula ialah ^{المرجع هو}

^{من أول الأمر على} (2) (Al Murtajal ialah isim yang digunakan sejak permulaan sebagai isim alam) contohnya أَدَد (Nama orang lelaki)، سعاد (Nama orang lelaki)

1. Fuad Ni'mat: Mulakhkhas Qawid Al-Lughat Al-Arabiyyat, juzu'11, Al-Maktab Al-Ilmi Li Ta'lif Warttarjamat, Kahirah (T.T), halaman 11.
2. Mohammad Zaki bin Ab. Rahman: Atharu Al-Lughat Al-Arabiyyat Fi Al-Lughat Al-Maliziyyat, 1990, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, halaman 470.

Daripada takrif-takrif di atas dapatlah difaham bahawa kata Nama Khas Al-Murtajal adalah kata nama yang digunakan untuk menerangkan sesuatu isim tertentu yang dari kelompok yang sama seperti زب مبالغة ساد، iaitu daripada jantina yang sama (mu'annath).

b. Al Manqul (المقول)

Isim Alam Al-Manqul mengikut takrif ini yang berbunyi (1) المقول هو ما سبق له استعمال في غير العالية Al-Manqul ialah isim yang digunakan pada permulaannya bukan daripada isim alam) contohnya حارث (Yang membajak) iaitu diambil daripada kata sifat dan فضل (Kelebihan) diambil daripada kata masdar begitu juga kata nama jinsiyyat seperti سد (Singa).

Menurut definisi berikutnya pula المقول ما أصله الذي قيل عنه

(2) Al-Manqul ialah isim yang dipindah daripada kata

1. Bahauddin Abdullah bin Aqil Al-Aqili: Syarh Ibni Aqil, juzu'1, (T.Penerbit & T.T), halaman 125.
2. Al-Allamat Al-Sibyan:Hasyiyyat Al-Allamat Al-Sibyan, juzu'1, (T.Penerbit & T.T), halaman 100.

asalnya). Contohnya بَرْكَةُ غَرْبَةٍ (Berkilau-kilauan lehernya),

شَابَ قَرْنَاهَا (Beruban kedua-dua tanduknya).

Kesimpulannya bahawa alam Al-Manqūl adalah kata nama yang dipindah daripada kata asalya, misalnya kalimat قَرْنَةٌ

(Leher) diambil daripada kata asalnya قَرْنَةٌ dan غَرْبَةٌ (Kepintaran) diambil daripada kata dasarnya غَرْبَةٌ dan seterusnya.

Kata Nama Khas atau ism Al-Alám dapat dibahagikan juga kepada Alam Syakhs (علم الشخص) dan Alam Jins (علم الجنين) :

a. Alam Syakh (علم الشخص)

Menurut satu definisi mengenainya yang berbunyi مِنْ

أَسْمَاءِ مُوَسَّعٍ بِواحِدٍ دُونَ غَيْرِهِ مِنْ أَفْرَادٍ حَسِيبٍ (1) Alam Syakhs ialah isim yang di khususkan kepada satu pihak yang tertentu sahaja dalam kumpulannya)contohnya فَرْعَانٌ (Raja Mesir konon), Perkataan

Firaun adalah gelaran yang diberi kepada seorang raja yang

1. Al-Ssayyid Ahmad Al-Hasyimi: Al-Qawáid Al-Asásiyyat Li Lughat Al-Arabiyyat, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyat (Bairut), halaman 90.

memerintah negara Mesir ketika itu. Walau pun keturunannya ramai. Tetapi gelaran tersebut hanya diberi kepada raja yang memrintah sahaja.

هُوَ مَا وُضِعَ لِشَيْءٍ بَعْدَ لَا يَتَوَلَّ

غَرْ(1) (Isim Alam Al-Syakh ialah isim yang di gunakan untuk sesuatu yang tertentu tidak termasuk kalimat yang lain) misalnya perkataan أَجْ (Nama orang lelaki), فَاطِمَةُ (Nama orang perempuan) perkataan Fatimah adalah satu nama yang dipilih dan diberi kepada orang-orang perempuan walau pun nama-nama lain masih banyak, sebab itu ia dinamakan Alam Syakh..

b. Alam Jins (علم الجنس)

هُوَ مَا وُضِعَ لِجِنْسٍ مِّنَ الْأَحْيَاءِ (2)

(Alam Jins ialah isim yang dibentuk khusus untuk menerangkan sesuatu jenis binatang) sebagai contohnya ialah أَسَمَةُ (Singa),

-
1. Al-Syekh Abdullah bin Ahmad Al-Fākihānī: Syarh Al-Fawā'ikh, Mustaphā Al-Bābī Al-Halabī Wa Aulādūh, Mesir, (T.T), halaman 31.
 2. Al-Syekh Muhammad bin Ahmad bin Abdi Al-Bārī Al-Ahdal: Al-Kawākib Al-Duriyyah, Dar Al-Abya' Al-Kutub Al-Arabiyyat Mesir (T.Tarikh), halaman 51.

وَسُالَةٌ (Musang) dan سُرِّالَةٌ (Serigala). Perkataan أَسَابِيْهُ، سُالَةٌ، سُرِّالَةٌ adalah dari kumpulan binatang walau pun bukan dari jenis yang sama.

3.2.2 Kata Tunjuk (اِسْمُ الْاِشَارَةِ)

Kata Tunjuk atau isim Al-Isyārat ialah kata yang menunjukkan sesuatu melalui isyarat tangan atau sebagainya sama ada yang bersifat konkrit atau abstrak. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu dekat atau jauh seperti (هُنَّا) untuk dekat dan (ذلِكُمْ) untuk jauh.

Al-Syeikh Ahmad Al-Hāsyimiy(1) mendefinisikan isim Isyārat dalam frasa yang berbunyi هُوَ مَا يَدْلِي عَلَى شَيْءٍ مَعِينٍ مَعِ اِشَارَةٍ الِّيْهِ حَسِيبَةٌ أو معنوية (Kata Tunjuk ialah kata yang menunjukkan sesuatu yang tertentu melalui isyarat konkrit atau abstrak) seperti هُنَّا (Ini), ia menunjukkan jarak dekat (Mudhakkár) dan ذلِكُمْ (Itu) menandakan jarak jauh (Mu'annath).

1. Al-Syaikh Ahmad Al-Hāsyimiy:Al-Qawāid Al-Asāsi Li Al-Lughat Al-Arabiyyat, Dar Al-Kutub Al-Alamiyyat, Beirut (T.T), halaman 93

Daripada takrif-takrif di atas dapat dirumuskan bahawa kata Tunjuk adalah lafaż yang menunjukkan tanda jarak sama ada dekat atau jauh dari seorang penutur seperti melalui isyarat tangan atau sebagainya.

3.2.3.1 Pembahagian kata Tunjuk

Dalam tata bahasa Arab dinyatakan bahawa Kata Tunjuk yang berkaitan dengan jarak dibahagikan kepada dua jenis iaitu dekat atau jauh. Kedua-dua jenis ini akan dipecahkan kepada sub golongan lain berdasarkan genus dan bilangan, penjelasan selanjutnya diterangkan di bawah:

a. Kata Tunjuk Yang Dekat (اسم الاشاره القريب)

Kata Tunjuk Yang Dekat dapat dibahagikan sebagaimana berikut :

1) Mudhakkár (مذکور)

i. Isim Mufrad (Tunggal) iaitu یہ (Ini),

contohnya طالعِ ذا لِكَاب (Bacalah buku ini).

ii. Isim Muthanna (Pendua) ذَانِ contohnya ذَانُ الْكِتَابَانِ

جَدِيدَيْنِ (Kedua-dua buku ini baru).

iii. Jamak (Banyak/ramai) أُولَاءِ, contohnya أُولَاءِ الْمُحَاضِرُونَ نَشَطُونَ

(Semua pensyarah ini giat belaka).

11. Mu'annath (مؤنث)

i. Mufrad (Tunggal) ذُو ذِي (Ini) contohnya قرأتُ

الْمَلَهَ (Saya membaca majalah ini).

ii. Muthanna (Pendua) تَانِ تَنِ, (Ini kedua-dua)

contohnya تَانِ جَرِيدَتَانِ جَدِيدَتَانِ (Kedua-dua akhbar ini

ini baru).

iii. Jamak (Banyak/ ramai), iaitu أُولَاءِ (Mereka ini)

contohnya أُولَاءِ الطَّالِبَاتِ مُحْسِنَاتٍ (Semua mahasiswi

ini bagus).

b. Kata Tunjuk Yang Jauh (اسم الإدارة البعيد)

Ia dapat dipecahkan sebagaimana berikut :

1. Mudhakkár (مذكر)

i. Isim Mufrad (Tunggal) ذَلِكَ الطَّالِبُ، contohnya ذلك الطالب

نَشِطٌ (itu pelajar yang giat).

ii. Isim Muthanna (Pendua) ذَلِكَانِ التَّاهِرَانِ، contohnya ذلكان التاهران

عَلِصَانٍ (Kedua-dua saudagar sangat jujur).

iii. Isim jamak (Banyak / Ramai) contohnya أُولَئِكَ الصُّنَاعُ

مَاهِرُونَ (Semua tukang itu mahir-mahir belaka).

11. Mu'annath (مؤنث)

i. Isim Mufrad (Tunggal) ذَلِكَ اشترى ذلك المجلة

(Saya sudah beli majalah itu).

ii. Isim muthanna (Pendua) contohnya تَاهِيَانِ الْجَرِيدَتَانِ جَدِيدَتَانِ

(Kedua-dua naskhah akhbar itu baru).

iii. Isim jamak (Ramai/banyak) أُولَئِكَ contohnya

الطلاب محسنات (Semua pelajar itu baik).

Di dalam kaedah bahasa Arab bahawa kata Tunjuk adalah isim mabni (tetap) kecuali ketika muthanna ia bertukar kepada isim mu'rab contohnya ذان الكتابان (Kedua-dua buku ini baru) ketika marfu' dan ketika nasab contohnya لأن الكتابين (Saya sudah membaca kedua-dua buku ini).

Kata Tunjuk apabila dihubungkan dengan huruf tanbih (Peringatan) seperti huruf Ha', Kaf' dan Lam (هاء, كاف, لام), maka ia akan menerangkan mengenai jarak sama ada dekat atau jauh, di bawah ini di sertakan beberapa contoh seperti berikut:

a. Jarak dekat(1), iaitu isim Isyarat yang dihubungkan dengan huruf Ha' (هاء) contohnya هذا كتاب (Ini buku saya), هذا menunjukkan jarak dekat.

1.Qadi Qudah Bahauddin Abdullah bin aqil Al-Aqili: Syarh Ibni Aqil, juzu' 1, (T.Penerbit & T.T), halaman 132.

b. Jarak pertengahan, isim Isyārat yang dihubungkan dengan huruf Kaf (كَافٌ) seperti ذَلِكَ هَذِهِكَافٌ contohnya ذَلِكَ كِتابٌ (Itu buku).

c. Jarak jauh, iaitu isim Isyārat yang dihubungkan dengan huruf Lam dan Kaf (لَام, كَافٌ) seperti ذَلِكَ تِلْكَ أُولَئِكَ contohnya ذَلِكَ كِتابٌ, ذَلِكَ سِيَارَةٌ (Itu buku), ذَلِكَ كِتابٌ (Itu kereta).

Selain daripada itu, termasuk di dalam kumpulan kata Tunjuk juga ialah isim yang menerangkan jarak dekat seperti هُنَاكَ هُنَاكَ (Di sini), هُنَاكَ هُنَاكَ (Di sana), untuk jarak sederhana dan jarak jauh pula ialah seperti هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ (Di sana). contohnya هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ هُنَاكَ (Kami datang dari sini ke hujung sana).

Kata tunjuk أُولَاءِ biasanya digunakan untuk orang yang berakal sahaja, walau bagaimana pun, kadang-kadang digunakan juga untuk sesuatu yang tidak berakal contohnya الْعَيْشُ بَعْدَ أُولَئِكَ الْأَبْيَانِ (Penghidupan selepas hari-hari itu) dan harf Ha' Al-Tanbih boleh juga diasingkan dari kata Tunjuk

tersebut, contohnya **هَا أَنَا ذَا** (Ini saya). Di bawah ini di senaraikan jadual pembahagian Kata Tunjuk (**اسم الإشارة**) seperti berikut:

JADUAL PEMBAHAGIAN ISIM ISYARAT

Jadual (1) : Kata Tunjuk/Isim Isyārat

3.2.4 Kata Relatif (الْإِسْمُ الْمُوصَّلُ)

Kata Relatif adalah kumpulan kata yang berfungsi sebagai penghubung antara rangkaikata dengan rangkaikata yang lain.

Kata Relatif (1) adalah kumpulan kata nama yang berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain. Bentuk Kata Relatif ialah ^{الذِي} (Yang) bagi genus maskulin dan ^{الَّتِي} (Yang) bagi genus fenimin.

Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalāyiniyy (2) mendefinisikan Kata Relatif sebagai ^{هُوَ الَّذِي يَدْلِلُ عَلَى مَعْنَى بِوَاسِطَةِ جُمَلَةٍ تَذَكَّرُ بِهَا} (Kata Relatif adalah kata yang menunjukkan sesuatu yang tertentu melalui klaus utama yang disebut selapasnya). Contohnya ^{هُوَ الَّذِي حَمَّلَ إِلَيْكَ أَئِسْنَ} (Dia yang datang kepada awak kelmarin).

-
1. Muhammad bin Idris: Analisis Sistem I'rab Dalam bahasa Arab 1996, Universiti Malaya , Kuala Lumpur, halaman 14.
 2. Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalāyiniyy: Jam' Al-durus Al-Arabiyyat, juzu' 1, Mansūrat Al-Kutub Al-Asriyyat, Bairut (T.T), halaman 129.

Perkataan لِمَن di dalam contoh di atas adalah klausa penghubung utama yang dinamakan Silat (صلات). Ia menerangkan keadaan kata Relatif dan Damīr yang terdapat pada fi'il tersebut. Damīr tersebut dinamakan ā'id (عائد), silat dan ā'id menjadi syarat utama di dalam struktur kata Relatif.

3.2.4.1 Pembahagian Kata Relatif

Mengikut kaedah bahasa Arab bahawa kata Relatif boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kata Relatif Khas dan kata Relatif Berkongsi. Penjelasan selanjutnya seperti berikut:

a. Kata Relatif Khas (الوصول الخاص)

Mengikut definisi yang dibawa oleh Al-syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy(1) yang berbunyi هـى الـقـرـد وـتـقـنـى وـقـبـعـى وـتـكـرـى (Kata Relatif Khas adalah suatu isim yang

-
1. Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy: Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat, juzu' 1, Mansurat Al-Kutub Al-Asriyyat, Bairut, (T.T), halaman 129.

boleh dijadikan mufrad, muthanna, jamak, mudhakkars dan mu'annaths mengikut kesesuaian ayat). Kumpulan ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu mudhakkars (Maskulin) dan mu'annaths (Feminin).

a. Mudhakkars (Maskulin) ialah ^{الذى} (Mufrad), ^{اللذان اللذين} (Muthanna) dan ^{الذين} (Jamak) contoh mufrad ^{جاء الذى انتظرهما آنذاك} (Orang yang saya tunggu tadi sudah tiba), muthanna seperti ^{جاء اللذان انتظراهما لحظة} (Kedua-dua orang yang saya tunggu sudah datang sekejap tadi) dan jamak seperti ^{جاء اللذين انتظراهم لحظة} (Orang-orang yang saya tunggu sudah datang sekap tadi).

b. Mu'annaths (Feminin) ialah ^{اليف} (Mufrad), ^{اللذات اللذين} (Muthanna) dan Jamak seperti ^{اللاتي اللاتي اللواتي} contohnya ^{قدِمَتْ اليف انتظرها} (Sudah datang orang yang saya tunggu), ^{قدِمَتْ اللذات اللذين انتظرها} (Kedua-dua Orang yang saya tunggu sudah tiba) dan ^{قدِمَتْ اللاتي انتظرن من أمين}

(Mereka yang saya tunggu sudah tiba kelmarin).

Perkataan لَيْلَةً adalah kata Relatif jamak mudhakkak atau mu'annath (Berakal\tidak), tetapi ada juga ahli nahu bahasa Arab yang mengatakan اللَّذِنْ (1) iaitu ketika marfu' dan الَّذِينَ ketika mansūb atau jarr, contohnya مُنْهَى اللَّذِنْ صَبَحُوا الصَّابِحَا (Kami yang bangun pagi-pagi untuk berperang).

Mengikut nahu bahasa Arab bahawa kata Relatif Khas boleh digunakan dalam berbagai bentuk ayat mengikut kedudukan struktur ayat itu sendiri sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan. Ketika rafa' جَاءَ الَّذِي سَاعَدَنِي سَاعَدَنِي (Orang yang saya bantunya dahulu sudah datang) dan ketika nasb (objek) contohnya احْرَمْتُ الَّذِينَ دَرْسَوْنِي (Saya hormati orang-orang yang mengajar saya) begitulah seterusnya.

1. Al-Syaikh Muhammad bin Ahmad bin Abdi Al-Bāri Al-Ahdal: Al-Kawākib Al-Duriyyat, juzu' 1, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyat, Bairut (T.T), halaman 128

Manakala ^{اللَّذِينَ} digunakan ketika nasb (Akusatif)

atau jarr (Genetif) contoh ketika nasb ^{أَنَا أَكْرَمُ اللَّذِينَ احْتَمَلُوا} (Saya menghormati kedua-dua mereka yang rajin). Perkataan ^{اللَّذِينَ} adalah objek yang mesti dibaca dengan nasb (Baris di atas) dan tanda nasb di sini ialah huruf Ya'. Kata Relatif termasuk di dalam kumpulan isim mabni (Baris tetap) kecuali ketika muthanna ia tergolong di dalam kumpulan isim mu'rab (Baris berubah-ubah), iaitu nasb dan jarr dengan huruf Ya', contoh ketika jarr ^{مَشْبِطُ حَوْلِ الْجَامِعَةِ مَعَ اللَّذِينَ أَدْعُوهُمْ مِّنْ قَرْبَةِ} (Saya bersiar-siar di sekitar universiti bersama dua orang kawan yang saya undang kedua-duanya dari kampung). Perkataan ^{اللَّذِينَ} ialah isim majrur dengan zaraf.

b. Kata Relatif Berkongsi (^{الْمُوَصَّلُ الْمُشْتَرِكُ})

Kata Relatif Berkongsi adalah satu lafaz yang sama bentuknya tetapi berbeza dari segi maknanya, contohnya ^{مَنْ} (Siapa). Perkataan ^{مَنْ} adalah sama dari segi bacaan dan

penulisannya tetapi berbeza dari segi strukturnya, contohnya ketika muthanna ^{مَنِ اللَّذَانِ يَدْعُبَانِ إِلَى الْإِدَارَةِ} (Siapakah kedua-dua orang yang pergi ke pejabat itu), ketika jamak mudhakkar ^{رَأَيْتُ مِنَ النِّسَاءِ} (Saya nampak orang-orang yang masuk ke dewan itu), dan juga ketika mu'annath contohnya ^{رَأَيْتُ مِنَ الْأَلَّا يَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ} (Saya nampak wanita-wanita yang masuk ke dalam masjid itu).

Menurut Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy(1)

mendefinisikan iaitu ^{هِيَ الَّذِي تَكُونُ بِلَفْظٍ وَاحِدٍ لِلْجَمِيعِ فَيُشَرِّكُ فِيهَا الْمُفْرَدُ وَالْمَنِيفُ وَالْجَمِيعُ} (Kata Relatif Berkongsi ialah suatu lafaż yang sama bentuk keseluruhannya tetapi berbeza dari segi penggunaannya ketika mufrad, muthanna dan jamak). Kalimat-kalimat tersebut ialah ^{مَنْ مَا ذَأْيَ ذَرْ}. Semua perkataan tersebut berbeza dari segi penggunaannya seperti ^{مَنْ} untuk orang yang berakal seperti manusia contohnya ^{تَحْمِلُ مِنْ أَجْهَدِ الْإِمْتِحَانِ} (Orang yang rajin akan

1. Al Syaikh Mustapha Al-Ghalayinniy: Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat, juzu'1, Mansūrat Al-Kutub Al-Asriyyat, Bairut, (T.T), halaman 131.

berjaya di dalam peperiksaan) dan ۷ untuk sesuatu yang tidak berakal seperti binatang, contohnya ارکب ما شفت من المخلق (Tungganglah mana-mana kuda yang awak suka). Manakala perkataan ۸ نا ای ذر' adalah harus digunakan untuk kedua-dua golongan sama ada yang berakal atau tidak , contohnya untuk yang berakal درست العلوم من ای معاشر (Saya telah mempelajari ilmu dari pelbagai pensyarah) dan yang tidak berakal seperti رعبت رعیت ای آنرا عهدا (سaya pelihara burung dari berbagai jenis).

Manakala Al-Syaikh Muhammad bin Ahmad bin Abdi Al-Bari(1) pula membahagikan Kata Relatif ini kepada enam isim iaitu ۹ مسْنَمَاتٍ ای ذر' dengan ditambah ۱۰ ke dalam kumpulan tersebut. Bentuk Kata Relatif Berkongsi adalah sama dari segi sebutan dan penulisan, tetapi berbeza dari segi maknanya, perbezaan tersebut dapat dilihat pada fi'il

-
1. Al-Syaikh Muhammad bin Ahmad bin Abdi Al-Bari Al-Ahdali:Al-Kawākib Al- Duriyyat, juzu'1,Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyat, Bairut,(T.T),halaman 131.

selepasnya, contohnya ketika mufrad من أحْمَد (Siapa yang rajin), muthanna مِنْ أَحْمَدَيْنَا (Mereka berdua rajin) dan jamak أَحْمَدَيْنَا (Mereka itu rajin). Dari contoh di atas dapat disimpulkan bahawa perbazaan kata Relatif tersebut dari segi mufrad, muthanna dan jamak dapat ditentukan melalui fi'il selepasnya.

Menurut Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy(1) berpendapat bahawa kadang-kadang penggunaan من untuk bukan berakal tetapi mesti menepati tiga syarat berikut:

a. Sekiranya yang bukan berakal hampir dengan yang berakal contohnya أَطْرَابِيِّ مِنْ بَخْرِيِّ عَنْهُ (Siapa yang menyanyi di dalam sangkar itu mempesonakan aku). Perkataan من digunakan untuk yang bukan berakal (Burung) kerana kemerduan suaranya seolah-olah suara manusia.

1. Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy: Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat, juzu' 1, Mansūrat Al-Kutub Al-Asriyyat, Bairut, (T.T), halaman 132-133.

b. Apabila berkumpul yang berakal dengan yang bukan berakal dalam satu ayat contohnya ((أَكُنْ يَعْلَمُ كَمْ لَا يَعْلَمُ)) (1) (Adakah yang mencipta sama dengan yang tidak mencipta). Perkataan مَنْ pertama untuk yang berakal dan مَنْ yang kedua untuk yang bukan berakal.

c. Apabila ada kaitan di antara yang tidak berakal dengan yang berakal dalam makna umum yang dihuraikan dari perkataan مَنْ contohnya ((فِيمِنْ مِنْ يَكْسِي عَلَى بَطْرِيهِ وَمِنْهُمْ مِنْ يَكْسِي عَلَى رِجْلِيهِ)) (2) (Sebahagian mereka berjalan di atas perutnya dan sebahagian yang lain berjalan-jalan di atas dua kakinya). Selain daripada itu, kadang-kadang مَنْ juga digunakan untuk yang berakal seperti ((فَإِنْ كُحْوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ)) (3) (Makakahwinlah mana-mana perempuan yang baik bagi kamu).

-
1. Surah Al-Nahl: Ayat 18.
 2. Surah Al-Nur: Ayat 45.
 3. Surah Al-Nnisa':ayat 3

Perkataan لـ di sini dikhkususkan kepada yang berakal sama ada lelaki atau perempuan.

Menurut dialek kumpulan Tayyi' (طيء) (1) iaitu satu kabilah Arab (Humair) berpendapat bahawa perkataan ذو adalah kata Relatif (ذو الظاهر). Ia digunakan dalam semua bentuk ayat, misalnya mufrad جائعٌ ذُوقَام (Orang yang berdiri sudah datang kepada saya), muthanna جَاءُونَ ذُوقَاماً (Kedua-dua yang berdiri sudah datang kepada saya), untuk mudhakkar dan seterusnya dan jamak, contohnya جَاءُوا ذُوقَاماً (Mereka yang berdiri sudah datang kepada saya).

Menurut setengah ahli nahu bahasa Arab bahawa perkataan لـ pada asalnya Kata Tunjuk, tetapi boleh

-
1. Al-Syaikh Muhammad bin Ahmad bin Abdi Al-Bari Al-Ahdali: Al-Kawâkib Al-Duriyyat, juzu', 1, Dar Al-Ihya' Al-Kutub Al-Arabiyyat Isa Bâbî Al-Halabî, Mesir, (T.T), halaman 61

dipindahkan kepada Kata Relatif dengan memenuhi dua syarat berikut:

a. Mesti didahului dengan لِ istifham (Tanya), contohnya

سَأَلُوكُنَّكَ مَاذَا يَنْقُونَ (1) (Mereka bertanya kepada engkau "Muhammad" apa yang mereka akan belanjakan).

b. Mesti didahului oleh مَنْ istifham (Tanya) contohnya مَنْ

ذَا جَاءَكَ (Siapa yang datang kepada engkau).

c. Perkataan عَلَى (2) juga seperti لِ iaitu perkataan

yang sama untuk mudhakkir, mu'annath, mufrad, muthanna dan
jamak contohnya بِعِنْدِ أَهْمَمْ هُرْ قَالْ (Ia menghairankan saya yang mana
satu dari kalangan mereka yang berdiri). Silat (الصَّلَاةُ) ialah
kata penghubung yang digunakan bagi melengkapkan ayat yang
menggunakan kata Relatif, contohnya جَاءَ الَّذِي أَكْرَمْنَا (Orang yang

1. Surah Al-Baqarat: 219.

• Qadi Qudat Bahauddin Abdullah bin aqil Al-Aqili": Syarh Ibnu Aqil"
juzu' 1, (T.Pnerbit & T.T), halaman 161.

saya rainya sudah datang). Kata penghubung di sini ialah fi'il ^{أَكْرَم} dan ^{وَ}damīr ^{وَ} ialah ā'i'd (^{وَ}أَيْد) yang boleh dirujuk kepada kata Relatif. Manakala ā'i'd ialah ^{وَ}damīr yang mesti diselaraskan dengan kata Relatif di dalam semua bentuk seperti mufrad, muthanna, jamak, mudhakkār, dan mu'annath contohnya ^{أَكْرَمُ الَّذِي كَبَّ} (Hormatilah orang yang telah menulis).


Kata Relatif di sini ialah ^{وَ}الَّذِي dan silat pula ialah fi'il ^{وَ}كَبَّ. Kedua-dua perkataan tersebut adalah mufrad dan mudhakkār.

Kata penghubung(1) mesti diletakkan selepas kata Relatif. Kata penghubung terdiri daripada kata nama, sendi kata, ayat berita, fi'il dan lain-lain.

Di bawah ini disertakan jadual susunan kata Relatif seperti berikut:

1. Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy: Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat, juzu' 1, Mansurat Al-Kutub Al-Asriyyat, (T.T), Beirut, halaman 136.

Kata Relatif



Rajah 4 : Pembahagian Kata Relatif.

3.2.5. Penambahan AL (المعرفة بالـألف)

Di dalam kaedah nahu bahasa Arab peranan AL(Alif Lam) adalah penting kerana ia dapat mencorakkan bentuk sesuatu kalimat atau ayat daripada am kepada khas.

Kebanyakan ahli nahu bahasa Arab berpendapat bahawa AL adalah sebahagian daripada adat Ma'rifat, namun begitu ada juga yang berpendapat ia hanya Lam sahaja. Contohnya, kalimat رجل (Lelaki) ia memberi makna am(tidak tertentu) kerana isim Nakirat tetapi setelah disambungkan

dengan AL, ia akan bertukar kepada isim Ma'rifat dan memberi makna khas (tertentu) contohnya perkataan الرجل (Lelaki tertentu).

AL menurut sesetengah ahli nahu mendefinisikan seperti berikut iaitu هُوَ اسْمٌ دُخِلَتْ عَلَيْهِ أَلْ فَأَفَادَهُ التَّعْرِيفُ (1) (Mana-mana isim yang dimasukkan AL ia akan bertukar kepada Ma'rifat), contohnya أَسْنَادٌ (Guru Lelaki) iaitu isim Nakirat (umum) bertukar kepada Ma'rifat setelah dimasukkan (J) iaitu الْأَسْنَادُ (Lelaki dewasa) dan memberi makna khas.

Di dalam nahu bahasa Arab terdapat beberapa jenis AL, tetapi penulis hanya akan membincang mengenai tiga jenis AL sahaja iaitu AL Asliyyat, AL Zāidat dan AL Mausūlat dan Penjelasannya seperti berikut:

3.2.5.1 Pembahagian AL

Pembahagian AL pada asasnya adalah seperti berikut :

-
1. Al-Sayyed Ahmad Al-Hasyimiyy: Al-Qawa'id Al-Asasi, Li Lughat Al-Arabiyyat, Dar Al-Kutub Al-Alamiyyat, Bairut, (T.T), Halaman 110.

a. AL Asliyyat (آل الأصْلَيْة)

AL Al-Asliyyat ialah AL yang dimasukkan ke atas isim Nakirat dan kemudian bertukar kepada isim Ma'rifat contohnya طالبُ الْكِتابِ kepada كاتبٌ, الْكِتابُ kepada طالبٌ, dan seterusnya.

b. Al Zaidat (أَلْ زَيْدَاتُ)

Al Zaidat ialah AL penambahan yang bukan bertujuan untuk pembentukkan isim Ma'rifat. Ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu AL Lazimat dan AL Bukan Lazimat. Penjelasannya seperti berikut:

١) AL Lazimat (أَلْلَازِمَة)

AL Lāzimat_ ialah AL yang biasa didapati pada sesuatu kalimat_ dan pembentukkannya hanya didengari daripada percakapan orang-orang Arab sahaja seperti perkataan *الذى فى* *وَمَنْ* *الْمُسَبِّبُ* dan lain-lain.

ii) AL Bukan Lāzimat (الْأَلْ بُخَانُ الْلَّازِيْمَ)

AL Bukan Lāzimat⁽¹⁾ ialah AL yang dimasukkan ke atas kata nama yang diterbitkan daripada kata dasarnya (masdar) atau (Kata Terbitan), contohnya الفضل الحرف, الفعل و الفعل المضارع و الفعل الماضي و الفعل المجزئ و الفعل المبني على المضارع و الفعل المبني على الماضي و الفعل المبني على المجزئ و الفعل المبني على المبني على المضارع و الفعل المبني على المبني على الماضي و الفعل المبني على المبني على المجزئ dan lain-lain.

2.7.5.3. AL Mausūlat (الْأَلْ مَوْسُولَةٌ)

AL Mausūlat ialah AL yang dimasukkan ke atas isim Fa'il atau isim Mafūl, contohnya المتصور (Isim Maful) atau المتصر (Isim Fa'il) dan lain-lain.

3.2.6 Sandaran Kepada Isim Ma'rīfat (الإِسْنَادُ إِلَى الْمَرْيَفَةِ)

Kata Sandaran atau di dalam bahasa Arab dinamakan idāfat, ia amat penting dalam proses pembentukan isim Ma'rīfat dan juga pembentukan sesuatu ayat, contohnya كتاب التاريخ (Buku cerita), pada asalnya kedua-dua perkataan tersebut adalah berasingan tetapi dikira sebagai satu perkataan selepas ianya diidāfatkan (disandar).

1. Ibid, halaman 110

Menurut Fuad Ni'mat bahawa pembentukan isim Ma'rifat melalui proses ini merupakan suatu kaedah yang khusus. Ini dapat diperhatikan melalui takrif yang berbunyi sebagaimana berikut:

هو اسم نكرة اكتسب التعريف من إضافته إلى اسم معرفة (1) (Isim Nakirat bertukar kepada Ma'rifat melalui proses sandarannya kepada isim Ma'rifat) seperti كتاب العلوم (Buku sains), perkataan كتاب adalah isim Nakirat dan العلوم adalah isim Ma'rifat, tetapi setelah disandarkan perkataan كتاب kepada العلوم iaitu perkataan yang Ma'rifat, maka dengan sendirinya perkataan كتاب turut menjadi isim Ma'rifat.

3.2.6.1 Pembahagian Idafat

Mengikut kaedah bahasa Arab bahawa kata Sandaran boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kata Sandaran Mahdat (معنی) dan bukan Mahdat (غير معنی) dan penjelasannya seperti berikut.:

1. Fu'ad Nik'mat, Mulakhhas Al Lughati Al Arabiyat, juzu' 11, Al Maktab Al Arabiyat Al Ilmiyyat, (Kahirah) Halaman 110

1) Kata Sandaran Mahdat (لذت) (1).

Kata Sandaran Mahdat adalah kata sandaran yang hubungannya antara mudāf (Penyandar) dan mudāf ilaih (Yang disandar) sangat kuat dan tidak boleh dipisahkan sama sekali, kerana mudāf tidak ada dāmir mustatir yang boleh memisahkan antara kedua-duanya dan mudāf di dalam Kata Sandaran Mahdat ini ada empat jenis sahaja iaitu:

a. Isim jamid yang kekal dengan jamidnya. Isim tersebut seperti isim Masdar, Zaraf dan Masdar contohnya لسان

السائل وراء قلبه وقلب الأئمّة وراء لسانه (Percakapan orang berakal bersandar kepada lubuk hatinya dan hati orang bodoh bersandar kepada hujung lidahnya), kalimat yang disandar di sini ialah Zaraf (Kata keterangan)

b. Kata Musytaqqāt seakan jamid . Perkataan musytaqqāt adalah kata nama yang diambil dari kata lain yang mempunyai hubungan makna dan lafaż dengannya seperti isim Zaman, Makan dan isim Alat contohnya مسكن (Tempat tinggal),

1. Abbas Hassan:Al-Nahwu Al-Wafi, juzu'111, Dar Al-Ma'arif (T.T), (Kahirah), halaman 3-5.

ia diambil daripada perkataan سَكُنٌ. (Tinggal).

c. Kata Musytaq Yang Menunjukkan Masa Lalu, contohnya
عَابِرُ الصَّحْرَاءِ أَمْسٌ كَانَ عَلَيْهِ الْفَقِيرُ آتَنَا وَاطْبَقَنَا (Pengembara di padang pasir kelmarin jiwanya penuh dengan ketenangan dan keamanan).

d. Kata Nama Gandaan, contohnya أَكْلُ الْمُؤْمِنِ إِيمَانًا أَحْسَنَهُمْ أَخْلَاقًا (Yang paling sempurna iman orang mukmin ialah yang paling baik akhlaknya).

ii). Kata Sandaran Bukan Mahdat (1)

Mengikut kaedah nahu bahasa Arab bahawa kata Sandaran Bukan Mahdat terdapat dalam beberapa jenis juga, di sini penulis hanya memetik beberapa contoh sahaja sebagai pelengkap kepada tajuk yang dibincangkan sebagaimana berikut:

a) Sandaran kepada Na'at (نَعْتٌ) (Sifat), Na'at contohnya مَسْجِدُ الْجَامِعِ (Yang bererti masjid jama') di mana

1. Ibid, halaman 40-45.

susunan asalnya ialah ^{المسجد الحرام} . Perkataan ^{جامع} sebagai na'at dan ^{المسجد} sebagai man'ut.

b) Sandaran kepada Man'ut (^{منهوت})

Iaitu sesuatu kalimat yang diikuti selepasnya oleh kalimat lain, contohnya ^{وَإِنَّهُ لِحَقٍّ بِقِيمٍ} (Sesungguhnya ia sebenar-benar yakin) dan berasal dari ^{الْبِقِيمَةُ الْحَقُّ}.

c. Sandaran nama am kepada nama khas.

Iaitu sandaran kalimat yang makna am kepada kalimat yang makna khas, contohnya ^{شَهْرُ رَمَضَانَ} (Bulan Ramadan), ^{شَهْرٌ} makna am dan ^{رمضان} makna khas.

d. Sandaran kata muakkad kepada isim zaman mubham.

Isim Zaman Mubham⁽¹⁾ ialah isim yang tidak dikaitkan dengan masa-masa tertentu, contohnya perkataan ^{زَمْنٌ} (masa), ^{وقتٌ} (Ketika) dan lain-lain.

1. Ibid, halaman 40-45.

Di dalam tata bahasa Arab terdapat suatu kaedah khusus yang boleh mengubah struktur sesuatu ayat daripada am kepada khas. Proses ini dinamakan Idāfat (Sandaran), ia dapat dilihat di dalam dua keadaan sebagaimana berikut:

a) **Kata Sandaran Wajib** (وجوب)

b) **Kata Sandaran Harus** (جاز)

Perbincangan selanjutnya adalah seperti berikut:

A. Kata Sandaran Wajib (وجوب)

Kata Sandaran Wajib (وجوب) (1), dapat dilihat kepada beberapa syarat khusus mengenainya, tetapi penulis hanya membincang secara ringkas sahaja sebagai memenuhi kehendak tajuk di atas, iaitu isim yang disandar (مضاف إليه) dan ia mestи dibaca dengan baris di bawah (Genetif) pada huruf yang terakhir di akhir kalimat, contohnya من ونـى بـاعـون السـوـء لـهـم مـنـهـم شـرـ المـصـابـ

1. Ibid, halaman 60.

الصَّابِرُ (Siapa yang percayakan kawan-kawan jahat kelak akan menerima padahnya).

a. Mudāf (Penyandar) mesti dibuang huruf Nun (نون) ketika muthannā atau jamak mudhakkār contohnya الشرطيان حارساً سُوقٍ (Dua orang polis mengawal super market) dan kalimat asalnya حارسانٌ (Tentera) (المُنْدَهِ حارسُو الرَّوْطَنْ) dan ketika jamak حارسانٌ (Dua orang pengawal negara) dan perkataan asalnya حارسون .

b. Mudāf (penyandar) tidak boleh dibaca dengan baris dua طالبُ الْعِلْمِ مَرِضِيٌّ عِنْ دُلُّهُ (Penuntut ilmu mendapat keredaan di sisi Allah). Perkataan asalnya طالبٌ iaitu dibaca dengan baris dua.

c. Mudāf mesti dibuang AL contohnya بلادنا ناج الفجاع (Negeri kami adalah mahkota kemengahan di Timor).
Perkataan asalnya ialah الْبَلَادُ.

d. Mudāf dan mudāf ilaih tidak boleh dipisahkan dari ḍamīr atau isim Zahir⁽¹⁾ contohnya هل أَنْتَ تَرْكُوك صَاحِبِي (Adakah kamu tinggalkan kawanku?) dan ayat asalnya هل أَنْتَ تَرْكُوك صَاحِبِي .

e. Wajib dahulukan mudāf daripada mudaf ilaih contohnya كَابٌ مِنْ مَكَّةٍ (Buku siapa dengan awak). Perkataan كَابٌ adalah mudaf dan مِنْ adalah mudāf ilaih.

B. Kata Sandaran Harus (جَازٌ)

Menurut setengah ahli nahu bahasa Arab bahawa Kata Sandaran Harus ialah kata nama yang boleh disandarkan kepada perkataan lain seperti كَابٌ زَيْنُ أَمْدٌ dan lain-lain.

Di dalam konteks ini para ahli nahu meletakkan

1.Ibid, halaman 6 - 60.

beberapa syarat tertentu. Disini penulis hanya membataskan perbincangannya secara ringkas seperti berikut:

a. Isim mudhakkar boleh disandarkan kepada isim mu'annath dengan memenuhi syarat-syarat di bawah:

1. Mudāf dan Mudāf Ilaih mesti terdiri daripada jenis yang sama, contohnya ^{أَنْدَلُبِتُ} (Tangan manusia). Perkataan ^{أَنْدَلُبِتُ} adalah tangan dan ^{إِنْسَانٌ} ialah manusia, maka ^{أَنْدَلُبِتُ} adalah sebahagian daripada anggota manusia.

2. Mudāf boleh dibuang jika tidak merosakkan maksud ayat berkenaan, contohnya أَسْرَعْتُ بَعْضَ السَّحَابِ (Sebahagian awan bergerak pantas), sekira dibuang perkataan بَعْضُ maka ia tidak akan merosakkan maknanya.

3. Mudāf harus dibentuk daripada isim Mu'rab dan Mudāf Ilaih daripada isim mabni dengan memenuhi beberapa syarat tertentu, di antara syarat-syarat tersebut ialah:

a. Mudaf mesti terdiri daripada kumpulan isim

mubham seperti ^{وَمَا تَقْسِمُنَّهَا لِلْأَنْوَارِ} مُبْلِل شَيْءٍ غَيْرِ^{وَمَا تَقْسِمُنَّهَا لِلْأَنْوَارِ}, dan lain-lain, contohnya

(Diri saya tidak dicaci walaupun saya seorang pencaci). Perkataan ^{مُبْلِل} harus dibaca dengan dammat ^{ضَعْفَة} kerana ia sebagai pelaku ^{فَاعِلٌ} (Fā'iil) dan boleh dibaca dengan fathat ^{فَحْشَة} (Fahshah) kerana ia disandarkan kepada isim Mabni.

b. Mudāf mesti dibentuk daripada isim Zaman

Mu'rab (Berubah) dan Mudāf Ilaih daripada isim Mabni Mufrad seperti ^{وَمَا} contohnya ^{مِنْ حَرَقِي بِوَمِدْنَه} (1) (Dari balasan hari itu). Perkataan ^{بَرْمَ} boleh dibaca dengan baris di bawah ^{كَسْرَة} (Kasrah) atau dengan mabni kerana ia isim Zaman Mubham.

3.2.7 Kata Seru Definitif Khas ^{مَنَادِيُ الْأَنْكَرَةِ الْمُقْصُودَةِ}

Kata Seru Definitif Khas ialah isim Nakirat yang terletak selepas huruf seruan yang berfungsi sebagai kata

1.Surah Hud, ayat 66.

Ma'rifat. Contohnya ﴿بِارْجَلِ ادْرَاجِكَ﴾ (Wahai orang lelaki tunaikan tugas engkau) atau ﴿طَالِبُ الْأَكَادِيمِي﴾ (Wahai pelajar bacalah buku engkau).

Fuad Ni'mat (1) mendefinisikan Kata Seruan ini sebagaimana yang berbunyi ﴿الْمَادِيِّ اسْمٌ يَقُولُ بَعْدَ ادْهَانَةِ ادْوَاتِ النَّسَاءِ﴾ (Kata Seru ialah isim yang terletak selepas huruf seruan). contohnya ﴿ضَابِطُ قُشْ حَفَّابُ الطُّلَّابِ﴾ (Wahai pengawas, periksalah beg-beg pelajar).

Perkataan ﴿خَاطِبٌ﴾ pada asalnya adalah kata Nakirat tetapi bertukar kepada kata Ma'rifat setelah dimasukkan huruf Nida'. Menurut takrif yang lain ialah ﴿كُلُّ اسْمٍ نَكْرَةٌ وَلَعْ بَعْدَ حِرْفٍ مِنْ أَحْرَفِ﴾ (1) (Tiap-tiap isim Nakirat yang terletak selepas huruf Nida' (Seruan) dengan tujuan untuk

1.Fuad Ni'mat: Mulakhhas Qawid Al-Lughat Al-Arabiyyat, juzu' 1, Al-Maktab Al-Ilmi Li Ta'lif Wattarjamat (Kahirah), (T.T), halaman 81.

menentukannya, maka kalimat itu bertukar kepada Ma'rifat).

Di dalam nahu bahasa Arab huruf Nida' adalah seperti berikut, iaitu ﻻ ﻷ ﻰ ﻻ ﻰ (Wahai atau Ya). Huruf-huruf tersebut biasanya digunakan untuk menerangkan jarak tertentu, seperti jarak dekat ﻻ ﻰ . Manakala huruf ﻰ digunakan untuk jarak dekat dan jauh. Huruf ﻰ pula digunakan untuk jarak dekat sahaja dan untuk jarak jauh sahaja ialah ﻻ ﻷ ﻰ .

3.2.7.1 Pembahagian Kata Seru Definitif Khas.

Para ahli nahu bahasa Arab membahagikan kata seru kepada beberapa kumpulan, tetapi penulis membataskan perbincangannya kepada dua kumpulan sahaja sebagaimana berikut:

a. Kata Seru Akusatif (أَنْسَاطٌ)

b. Kata Seru Mabni (مَبْنَى)

A. Kata Seru Akusatif (سُوْب)

Perbincangan mengenai kata seru tersebut seperti berikut:

Yang dimaksudkan dengan kata Seru Akusatif ialah kata atau isim yang terletak selepas partikel seruan dan dibaca dengan baris di atas^٣ (فَحَة) (1) contohnya يَا نَاهِمًا اشْبَقْتَ مِنْ نَوْمِكَ (Wahai, orang yang tidur bangkitlah dari tidur anda). Kalimat tersebut dibaca dengan fatḥat kerana huruf Nidā' itu sendiri yang menasabkannya atau ditakdirkan (diandaikan) dengan fi'il أَدْعُ

B. Kata Seru Mabni (مُبْنٰى)

Penulis membataskan kata seru mabni dengan kata Seru Nakirat Maqsūdat sahaja kerana ia termasuk di dalam topik perbincangan sekarang dan termasuk di dalam kumpulan isim Ma'rifat. Menurut sesetengah pakar bahasa

1. Ibid, halaman 149.

Arab mereka mendefinisikan isim Nakirat Maqsūdat sebagai مُعْتَدِلٌ
اسْمٌ نَكِرَةٌ مُعْتَدِلٌ (1) (Iaitu isim Nakirat yang diniatkan ketentuannya melalui Kata Seru) contohnya بَارِجٌ إِذْ رَأَيْتَكَ (Wahai lelaki, tunailah tanggunganjawab anda). Isim Nakirat akan bertukar kepada isim Ma'rifat setelah melalui kaedah ini, misalnya perkataan جُلٌ adalah isim Nakirat tetapi bertukar kepada Ma'rifat setelah diniatkan atau dikaitkan kepada orang tertentu iaitu selepas dimasukkan Ya' (Huruf Nida') contohnya بَا شَرْطِيَانَ إِذْ رَأَيْتَكَ مُعَلِّصًا (Wahai polis, tunaikan tugas anda dengan jujur). Perkataan شَرْطِيَانٌ juga Nakirat tetapi bertukar kepada Ma'rifat selepas dimasukkan huruf Nida'.

1. Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy :Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat,
juzu'1, Mansyūrāt Al-Kutub Al-sriyyat, Bairut, (T.T), halaman 154.